



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :

'JAWATAN KOSONG'

AKAUNTAN

➤	Jawatan	:	Akauntan
➤	Gred Jawatan	:	WA41
➤	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kewangan
➤	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
➤	Taraf Jawatan	:	Tetap
➤	Jadual Gaji	:	Minimum – RM 2,820.00 Maksimum – RM 9,585.00

Bidang Tugas

1. Menguruskan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan pengurusan kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) atau melaksanakan kerja pengauditan atau melaksanakan tugas-tugas kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang. Pelaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41:RM 2,820.00); atau
(ii) Lulus peperiksaan akhir Badan-Badan Iktisas perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM 2,820.00); atau
(iii) Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA)
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM 2,820.00)

Syarat kelayakan Bahasa Melayu

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

4. Calon adalah terdiri dari anggota yang sedang berkhidmat di dalam perkhidmatan Penolong Akauntan untuk peningkatan secara lantikan (PSL) tertakluk telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
 - (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 2 (c); dan
 - (b) Had umur pelantikan :-
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun